

LANG BINTIK
Greater Spotted Eagle

FAMILI: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: *Aquila clanga*

CIRI-CIRI

Jika dibandingkan dengan spesies lang yang lain, ianya mempunyai sayap yang lebih pendek, paruh yang lebih kecil dan jalur melintang pada atas sayap yang halus dan pudar. Bahagian bawah sayap pula gelap dan seragam dengan warna putih berbentuk sabit pada bulu pahat. Individu dewasa morfisme pudar adalah agak jarang. Bahagian badan dan bawah sayap berwarna kuning pucat atau kemerahan. Individu juvenil berwarna kehitaman, dengan tompok putih pada bulu pahat atas sayap, hujung putih pada skapular, bulu tertier, bulu sayap dan ekor. Terdapat jalur kuning pudar pada perut dan peha. Individu juvenil morfisme pudar boleh dibezakan dengan individu dewasa melalui bahagian kepala, badan dan bulu pahat sayap yang berwarna kemerahan pudar sehingga kuning pucat atau krim. Bulu pahat pada atas sayap, bulu sekunder, bulu primer dalam dan ekor mempunyai hujung berwarna putih. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 65-72 sm.

MAKANAN

Kebanyakannya adalah pemangsa dan ada juga yang memakan bangkai. Dietnya terdiri daripada mamalia, burung, reptilia, amfibia, ikan, ketam, moluska dan serangga.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan berpaya, tasik dan kawasan terbuka hingga ke ketinggian 2,135 m dari aras laut. Semasa musim sejuk, ianya boleh ditemui pada ketinggian kurang dari 800 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan siri bunyi *hi-hi-hi-hi-hi...*; *hihi hihi-hi* yang pendek, cepat dan bernada tinggi.